## LOG MASUK / LUPA KATALALUAN / PENGESAHAN PENGAKTIFAN AKAUN

Sistem Pendaftaran Pertubuhan Belia (eROY) boleh diakses melalui :- http://eroyv2.gov.my Laman utama seperti di Gambarajah 1 akan dipaparkan. Untuk mengakses sistem, sila klik menu '**Log Masuk**' seperti anak panah pada Gambarajah 1.




Gambarajah 1 : Laman Utama Sistem eROY v2

## 1. LOG MASUK

Laman Log Masuk akan dipaparkan seperti Gambarajah 2.




Gambarajah 2 : Laman Log Masuk Sistem eROY

Sila masukkan no.kad pengenalan dan katalaluan pengguna berdaftar, kemudian klik pada butang 

untuk meneruskan proses. Laman Semakan Status Permohonan seperti Gambarajah 3 akan dipaparkan selepas log masuk berjaya.




Gambarajah 3 : Laman Semakan Status Permohonan

## 2. LUPA KATALALUAN

Sekiranya pengguna tidak mengingati katalaluan yang didaftarkan, sila klik pada pautan seperti anak panah pada Gambarajah 4 pada Laman Log Masuk.




Gambarajah 4 : Pautan Lupa Katalaluan

Laman Set Semula Katalaluan akan dipaparkan seperti Gambarajah 5. Masukkan no.kad pengenalan pengguna berdaftar.




Gambarajah 5 : Laman Set Semula Katalaluan

Kemudian klik butang 

setelah selesai. Mesej "Notifikasi emel telah berjaya dihantar ke akaun emel anda." akan dipaparkan setelah berjaya dihantar. Sila semak *INBOX* emel anda dan sekiranya tiada, sila semak *folder SPAM/JUNK mail* untuk membuka emel yang dihantar seperti Gambarajah 6.




Gambarajah 6 : Emel Set Semula Katalaluan

Klik pada pautan seperti anak panah pada Gambarajah 6, kemudian skrin berikut akan dipaparkan.




Sila masukkan katalaluan baru pada kotak 'Katalaluan' dan kotak 'Pengesahan Katalaluan'. Katalaluan mestilah gabungan daripada :

- huruf: A-Z a-z,
- nombor: 0-9,
- simbol: @#$*?!,
- minimum 12 aksara, dan
- maksimum 20 aksara

Klik butang 

setelah selesai. Mesej "Katalaluan berjaya dikemaskini" akan dipaparkan setelah berjaya disimpan.

## 3. PENGESAHAN PENGAKTIFAN AKAUN

Sekiranya anda telah mendaftar tetapi tidak menerima notifikasi emel untuk membuat pengesahan pengaktifan akaun emel anda, sila klik pada pautan 'Hantar Semula Pengesahan Pengaktifan Akaun' seperti anak panah pada Gambarajah 7.




Gambarajah 7 : Pautan Hantar Semula Pengesahan Pengaktifan Akaun

Laman Pengesahan Pengaktifan Akaun Emel akan dipaparkan seperti Gambarajah 8.




Gambarajah 8 : Laman Pengesahan Pengaktifan Akaun Emel

Masukkan No.Kad Pengenalan Pengguna dan klik butang 

. Skrin akan memaparkan mesej "Notifikasi emel telah berjaya dihantar ke akaun emel anda." setelah berjaya dihantar. Sila semak *INBOX* emel anda, sekiranya tiada, sila semak *folder SPAM/JUNK mail* untuk membuka emel yang dihantar seperti Gambarajah 9.




Gambarajah 9 : Emel Pengesahan Pengaktifan Akaun

Klik pada pautan seperti anak panah Gambarajah 9 untuk mengesahkan pengaktifan akaun emel anda dan sistem akan memaparkan mesej seperti Gambarajah 10 sebagai tanda pengesahan telah berjaya dilakukan.




Gambarajah 10 : Mesej Pemberitahuan Pengesahan Berjaya Disahkan